

BAB KEEMPAT

PENDIDIKAN FORMAL
(PEMBELAJARAN YANG DIDIJALANKAN OLEH INSTITUSI)

4.1 PENGENALAN

Bab empat menjelaskan tentang pendidikan formal iaitu pembelajaran yang dijalankan oleh institusi sama ada kerajaan mahupun yayasan seperti Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian, Madrasah Ibtidaiyah No:10/ E-3 (MI No:10/ E-3) Koto Dian dan Sekolah Dasar Negeri 80/III (SDN 80/III) Koto Dian. Bab ini juga menjelaskan tentang organisasi pendidikan, keadaan guru dan matapelajaran, minat pelajar terhadap pendidikan Islam, kaedah pembelajaran yang digunakan oleh guru semasa pembelajaran Islam, masalah yang dihadapi oleh guru dan murid semasa pembelajaran Islam dan pencapaian pendidikan Islam.

4.2 MADRASAH TSANAWIYAH NEGERI DESA KOTO DIAN

4.2.1 Organisasi Pendidikan

Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) Koto Dian Pulau Tengah mempunyai struktur organisasi yang lengkap yang terdiri daripada guru besar, setiausaha, bendahari, beberapa orang wakil dan pengurus besar, serta para guru dan murid-murid seperti yang telah dijelaskan dalam jadual berikut:

Jadual 4.1: Organisasi MTsN Koto Dian Tahun Pengajian 2009-2010.

NO	NAMA	JAWATAN	TAMATAN	GELARAN
1	Drs Hatimsurya Tarmizi M.PdI	Guru Besar	IAIN Jambi	S.2
2	Eli Kasmi binti Rusli A.Md	Setiausaha	IAIN Jambi	D.III

3	Pahlizar bin Rafii S.Ag	Bendahari	IAIN Jambi	S.1
4	M. Jamil Hj. Rasyid S.PdI	Wakil Kesenian	STIT Kerinci	S.1
5	Suhardi Hamzah S.PdI	Wakil Humas	STIT Kerinci	S.I
6	M. Syafe'i Razak, BA	Wakil Akademik	IAIN Jambi	D.III
7	Majlis Guru	Tata Usaha	-	-
8	28 Orang Majlis Guru	PNS	-	-
9	5 Orang Majlis Guru 107	Guru Bantu	-	-
10	Pelajar	DrajahVII-IX	S. Rendah	SD/MI

Sumber : Dokumentasi, MTsN Koto Dian, Tahun Pelajaran 2009-2010 .

4.2.2 Guru dan Matapelajaran

Bilangan guru adalah seramai 34 orang yang terdiri daripada pegawai kerajaan seramai 28 orang dan guru bantu seramai 5 orang dengan 17 matapelajaran. Guru yang mengajar matapelajaran agama Islam seramai 12 orang dengan 6 matapelajaran. Maklumat terperinci sebagaimana Jadual 4.2:

Jadual 4.2: Guru dan Matapelajaran Agama Islam MTsN Koto Dian Tahun Pelajaran 2009-2010.

NO	NAMA	MATA PELAJARAN	TAMATAN	GELARAN
1	Suhardi Hamzah S.PdI	Fiqih	STIT Kerinci	S.I
2	Pahlizar binti Rafi'i S.Ag	Mulok Iqrak	IAIN Jambi	S.I
3	M. Jamil Hj Rasyid S.Pdi	Fiqih	STIT Kerinci	S.I
4	Eli Kasmi binti Rusli A.Md	Aqidah Akhlak	IAIN Jambi	D.III
5	Nurhayanah Mukhtar A.Md	Al-quran Hadis	IAIN Jambi	D.III
6	Amir Djamudin A.Md	Bahasa Arab	IAIN Jambi	D.III
7	Dra Rahmah Baharuddun	S.Keb. Islam	IAIN Jambi	S.2
8	Yefniarti Pardizon S.Ag	Fiqih	STIT Kerinci	S.I
9	Noverma Hj Khairuddin S.Ag	Al-quran Hadis	STAINKerinci	S.I
10	Jayusman Abdullah S.H	S.Keb. Islam	STAINKerinci	S.I
11	Imran Rosadi Mukhtar S.Pd.I	Mulok Iqrak	STAINKerinci	S.I
12	Aifitri S.Ag	Aqidah Akhlak	STIT Kerinci	S.I

Sumber: Dokumentasi, MTsN Koto Dian, Tahun Pelajaran 2009-2010.

4.2.3 Minat Terhadap Pendidikan Islam

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, apa yang menarik minat pelajar untuk lebih memahami sesuatu matapelajaran semasa proses pembelajaran ialah guru yang menggunakan kaedah penjelasan, syarahan, penceritaan, dan penggunaan media. Pelajar juga berminat terhadap guru yang pandai bergurau senda tetapi kurang berminat terhadap guru yang terlalu serius ketika mengajar atau banyak menggunakan kaedah mencatat selain kurang memberi penjelasan dan apabila pelajar merasa terbeban dengan hafalan-hafalan.

Ratnan Asbufel bin Surkah, pelajar IX A MTsN Koto Dian mengatakan bahawa pelajar lebih berminat terhadap matapelajaran Mulok Iqra' dan Sejarah Kebudayaan Islam kerana matapelajaran Mulok Iqra' menggunakan media, mudah difahami dan menambahkan keimanan. Pembelajaran Sejarah Kebudayaan Islam pula banyak menggunakan kaedah penceritaan dan hanya sedikit memerlukan catatan berbanding matapelajaran yang lain yang perlu banyak hafalan yang membebankan, sedangkan masih banyak tugas yang diberikan oleh guru yang harus disiapkan.¹

Penulis mendapati daripada seorang responden yang tidak ingin identitinya dipaparkan menjelaskan bahawa ada guru yang mengajar dengan suka marah-marah dan banyak memberikan tugas yang memerlukan hafalan sehingga pelajar merasa terbeban.

¹ Temu bual Ratnan Asbufel Surkah, Pelajar Kelas IX A MTsN Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

4.2.4 Kaedah Yang digunakan Semasa Pembelajaran Islam.

i. Kaedah Pembelajaran Feqah

Kaedah yang biasa digunakan oleh guru ketika mengajar matapelajaran feqah adalah kaedah demonstrasi dan syarahan. Kaedah demonstrasi digunakan seperti mengajar cara menunaikan solat dan cara berwuduk. Manakala kaedah syarahan digunakan semasa pembelajaran faraid (pembahagian pusaka). Selain menggunakan kaedah demonstrasi dan syarahan, guru juga menggunakan kaedah soal jawab agar pelajar lebih memahami apa yang mereka pelajari.²

ii. Kaedah Pembelajaran Mulok Iqra'

Bagi matapelajaran Mulok Iqra', biasanya guru akan menggunakan kaedah demonstrasi. Pelajar akan diuji untuk membaca buku Iqra' atau al-Quran (juz Amma) mengikut kemahiran pelajar. Kadangkala guru itu akan memilih sendiri surah atau ayat yang harus dibaca oleh pelajar. Pelajar juga diajar bagaimana mengambil wuduk dan mengerjakan solat dengan betul dalam bentuk syarahan. Pelajar juga boleh membeli buku rujukan seperti buku belajar solat, seterusnya mempraktikkannya sendiri di rumah. Selain belajar membaca ayat atau surah al-Quran, pelajar juga diarahkan menghafal ayat dan bacaan dalam solat sehingga fasih. Biasanya kaedah yang paling kerap digunakan adalah kaedah demonstrasi dengan menggunakan gambar untuk mengajar cara-cara solat dan wuduk selain mengarahkan pelajar untuk menghafal matapelajaran yang penting.³

² Temu bual Suardi Hamzah, Guru Matapelajaran Feqah MTsN Koto Dian pada 14 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

³ Temu bual Pahlizar Rafii, Guru Matapelajaran Mulok Iqra' MTsN Koto Dian pada 11 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

iii. Kaedah Pembelajaran Aqidah Akhlak

Dalam pembelajaran Aqidah Akhlak, guru selalunya mengulangi apa yang telah dipelajari pada pertemuan sebelumnya. Guru akan membaca atau menuliskannya di atas papan tulis untuk dicatat oleh pelajar dan seterusnya akan memberikan penjelasan. Bagi matapelajaran ini, guru kerap menggunakan kaedah catatan dan syarahan.⁴

Resi Suswita binti Rosadi, pelajar kelas IX A MTsN Koto Dian menyatakan bahawa kaedah yang biasa digunakan oleh guru ketika mengajar matapelajaran Aqidah Akhlak ialah dengan mengira bilangan pelajar yang hadir. Selepas itu, pelajar-pelajar diarahkan untuk mencatat apa yang diberikan oleh guru. Guru akan memberikan penjelasan dalam bentuk syarahan dan pelajar akan diberi kesempatan untuk bertanya tentang apa yang belum difahami. Kemudian guru akan mengadakan evaluasi atau latihan dan jika masa tidak mencukupi tugas tersebut akan disiapkan oleh pelajar di rumah.⁵

iv. Kaedah Pembelajaran al-Quran dan Hadith

Dalam pembelajaran al-Quran dan Hadith, pelajar dikehendaki membaca satu persatu potongan ayat atau hadis. Selepas itu, pelajar-pelajar diarahkan untuk menghafal ayat-ayat al-Quran dan hadith yang dianggap paling penting. Penjelasan tentang ayat-ayat tersebut akan diberikan oleh guru kemudian. Kadang-kala guru akan mengadakan sesi soal-jawab tentang maksud dan pemahaman pelajar tentang

⁴ Temu bual Eli Kasmi Rusli, Guru Matapelajaran Aqidah Ahklak MTsN Koto Dian pada 12 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

⁵ Temu bual Resi Suswita Rusadi, Pelajar Kelas IX A MTsN Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

matapelajaran yang telah atau yang sedang diajarkan kemudian diikuti dengan latihan.⁶

v. Kaedah Pembelajaran Bahasa Arab

Di MTsN Koto Dian, terdapat seorang sahaja guru bahasa Arab bagi semua kelas kerana belum ada guru ganti untuk matapelajaran ini. Ini adalah disebabkan kekurangan tenaga pengajar bahasa Arab yang mahir di negeri ini. Kaedah yang digunakan dalam proses pembelajaran bahasa Arab ialah kaedah demonstrasi. Guru contoh bagaimana menyusun ayat-ayat sesuai cara penggunaan dengan mengurangkan kaedah syarahan. Dengan kaedah demonstrasi, pelajar diarahkan untuk mencatat dan menghafal perkataan-perkataan Arab dan pelajar diarahkan untuk mencuba menyusun ayat di depan kelas serta menghafal sorf dan nahu yang telah dijelaskan sebelum itu. Bagi sesi huraian lisan, pelajar dikehendaki berlakon di dalam kelas bersama rakan-rakan sekumpulan mereka secara bergilir-gilir dengan merujuk teks. Akhir sekali, mereka akan diberikan tugasan untuk disiapkan di rumah.⁷

Selama ini, kaedah mengajar bahasa Arab hanya menggunakan papan putih, pen penanda, pemadam, buku rujukan, dan daftar kehadiran. Tidak ada penggunaan media pendidikan yang moden atau yang lebih menarik minat dan pemahaman pelajar tentang apa yang diajarkan, selain hanya dengan kaedah yang sama iaitu mencatat nota, penjelasan, latihan, dan ulangkaji di rumah. Ini tidak berlaku pada

⁶ Temu bual Nurhayananah Mukhtar, Guru Matapelajaran al-Quran dan Hadith MTsN Koto Dian pada 12 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

⁷ Temu bual Amir Djamudin, Guru Matapelajaran Bahasa Arab MTsN Koto Dian pada 14 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

mata pelajaran bahasa Arab sahaja bahkan berlaku pada hampir kesemua matapelajaran.

vi. Kaedah Pembelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Kaedah yang digunakan guru ketika proses pembelajaran sejarah kebudayaan Islam ialah penceritaan. Sebelum bercerita, pelajar akan mencatat semua isi yang telah disiapkan oleh guru dengan dibacakan oleh seorang pelajar, manakala pelajar yang lain akan mencatatnya ke dalam buku masing-masing. Setelah selesai menulis, guru akan bercerita tentang tajuk yang telah dicatat, dan seterusnya sesi soal-jawab akan diadakan bagi pelajar-pelajar yang ingin bertanya.⁸

Sebelum proses pembelajaran diadakan, biasanya jumlah kehadiran pelajar akan dicatat. Kemudian, isi-isi penting juga akan dicatat, dan selepas itu guru akan menjelaskan tentang matapelajaran tersebut. Kadang-kala guru menjelaskan matapelajaran yang disertai sedikit gurau senda, membuatkan pelajar tidak bosan dan mudah memahami apakah lagi yang diajarkan melalui kaedah penceritaan, seperti perjuangan para sahabat dan cara perkembangan pendidikan Islam pada zaman dahulu, bahkan juga ditambah cerita yang boleh memberi keinsafan. Guru yang mengajar pendidikan Islam lebih penyabar jika dibandingkan dengan guru yang mengajar bukan matapelajaran pendidikan Islam.⁹

⁸ Temu bual Rahmah Baharuddin, Guru Matapelajaran SKI MTsN Koto Dian pada 11 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

⁹ Temu bual Ratnan Asbufel Surkah, *op.cit.*

4.2.5 Masalah yang dihadapi Semasa Pembelajaran Islam.

i. Matapelajaran Feqah

Masalah yang dihadapi ketika proses pembelajaran matapelajaran feqah ialah kesukaran untuk memahami sebahagian topik seperti bab farā'iḍ (pembahagian harta peninggalan), dan ketiadaan alat-alat bantu mengajar seperti alat penyelenggaraan pengurusan jenazah, kelengkapan solat dan buku rujukan semasa sesi amali dijalankan. Apa yang diajarkan seolah-olah kurang berkesan dan menghabiskan banyak masa untuk menjelaskannya sedangkan untuk matapelajaran ini, mereka seharusnya melihat secara langsung bagaimana melakukan tertib solat dan pengurusan jenazah yang betul kerana matapelajaran ini merupakan matapelajaran kemahiran yang mesti difahami oleh setiap orang.¹⁰

ii. Matapelajaran Mulok Iqra'

Terdapat perbezaan antara matapelajaran Mulok Iqra' dengan matapelajaran Feqah. Dalam matapelajaran Mulok Iqra', pelajar mempelajari tentang solat secara umum, manakala dalam matapelajaran Feqah, pembelajaran adalah secara terperinci, jelas dan lebih fokus. Masalah yang timbul dalam pembelajaran Mulok Iqra' ialah kekurangan buku rujukan dan tidak ada media elektronik seperti komputer yang dilengkapi dengan LCD dan alat contoh yang boleh memberi ingatan yang lama terhadap pelajar.

¹⁰ Temu bual Suardi Hamzah, *op.cit.*

Bagi pelajar yang mempunyai tahap pemikiran yang lemah dan yang bermasalah, guru mengadakan kelas khas. Setakat ini pihak sekolah hanya menyediakan kelas khas cara membaca al-Quran dan ibadah praktis untuk para pelajar yang bermasalah. Untuk masa ini, alat-alat yang penting yang perlu ada ialah pengangkutan seperti bas pelajar dan bas guru kerana lokasi madrasah jauh dari kediaman orang ramai, yang memerlukan masa berjalan kaki selama 25 hingga 30 minit. Pada masa ini, sesetengah pelajar menggunakan basikal, motosikal dan taksi motor. Ini adalah sebahagian daripada sebab kurangnya perhatian dan tumpuan pelajar dan oleh itu juga terjejasnya pembelajaran yang efektif disebabkan keletihan.¹¹

iii. Matapelajaran Aqidah Akhlak

Masalah yang dihadapi ketika proses pembelajaran matapelajaran Aqidah Akhlak adalah disebabkan kurang buku rujukan. Masalah yang lain termasuk pelajar mengantuk dan penat disebabkan matapelajaran yang diajar pada akhir jadual pembelajaran setelah mereka keletihan bermain atau aktiviti lain yang diadakan di awal hari. Segelintir pelajar itu sendiri ada yang sukar untuk memahami kerana pemikiran yang lemah dan ini berlaku pada hampir semua matapelajaran yang dipelajarinya. Untuk mengatasi masalah ini, pihak sekolah telah mengadakan kelas khas untuk pelajar yang bermasalah.¹²

¹¹ Temu bual Pahlizar Rafii, *op.cit.*

¹² Temu bual Eli Kasmi Rusli, *op.cit.*

iv. Matapelajaran al-Quran dan Hadith

Sebahagian pelajar masih lagi tidak tahu membaca al-Quran dan segelintir daripada mereka juga belum fasih membaca, menulis dan memahami tajwid menyebabkan pembelajaran mereka sedikit terjejas bukan sahaja untuk matapelajaran al-Quran dan Hadis bahkan untuk matapelajaran agama Islam yang lain seperti Mulok Iqra, Feqah, Sejarah Kebudayaan Islam dan bahasa Arab kerana semua matapelajaran agama Islam berkaitan dengan ejaan Arab. Selain itu, masalah yang dihadapi adalah kekurangan alat-alat bantu pembelajaran seperti buku rujukan.¹³

Masalah pembelajaran dalam matapelajaran al-Quran dan Hadis ialah terlalu banyak hafalan. Ini menyebabkan kesukaran untuk menghafal apatah lagi ayat-ayat yang dihafal adalah dalam bahasa Arab. Selain itu, pelajar merasa mengantuk dan bosan disebabkan oleh suara guru yang perlahan. Kekurangan tenaga pengajar yang profesional juga merupakan satu masalah. Tenaga pengajar baru yang mempunyai kemahiran yang sesuai dengan matapelajaran yang diajarkan adalah sangat diperlukan.¹⁴

v. Matapelajaran Bahasa Arab

Masalah dalam proses pembelajaran bahasa Arab adalah tiada media yang boleh menyokong pembelajaran supaya lebih berkesan seperti gambar-gambar untuk meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap hafalan ayat-ayat bahasa Arab dan menyusun perkataan-perkataan menjadi sebentuk ayat. Melalui pemerhatian yang dijalankan, guru menggunakan kaedah syarahan di samping menggunakan papan tulis sebagai media. Para pelajar dikehendaki menghafal di rumah masing-masing

¹³ Temu bual Nurhayana Mukhtar, *op.cit.*

¹⁴ Temu bual Oka Orsandy Oktora, Pelajar Kelas IX A MTsN Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

perkataan Arab sehingga ada pelajar merasa sangat terbebani dengan hafalan-hafalan tersebut. Ini juga menyebabkan pelajar kurang minat terhadap matapelajaran bahasa Arab.¹⁵

Masalah yang sering timbul ketika pembelajaran bahasa Arab ialah guru yang terlalu serius dan tegas serta kurang senyum menyebabkan pelajar merasa takut jika membuat sebarang kesalahan. Pelajar juga sukar menghafal dan menyusun ayat-ayat bahasa Arab dengan betul.¹⁶ Selain itu, pelajar terpaksa menghafal matapelajaran kerana takut dimarahi di dalam kelas.

vi. Matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Proses pembelajaran matapelajaran ini cukup membanggakan. Pelajar mudah diatur dan mudah memahami apa dijelaskan dan mereka seronok dengan cerita-cerita yang ada dalam matapelajaran ini. Masalah yang umum di madrasah ini tidak terkecuali matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam iaitu kekurangan buku rujukan.¹⁷

4.2.6 Pencapaian Pendidikan Islam

i. Matapelajaran Fiqah

Setelah mempelajari matapelajaran Fiqah, pelajar dapat mengetahui dan memahami tentang hukum-hukum yang terdapat dalam agama Islam seperti wajib, sunah, haram dan harus serta dan mengetahui selok-belok tentangnya secara terperinci. Dengan

¹⁵ Temu bual Amir Djamudin, Guru Matapelajaran Bahasa Arab MTsN Koto Dian pada 14 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

¹⁶ Temu bual Hardi Sukardi, Pelajar Kelas IX A MTsN Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

¹⁷ Temu bual Rahmah Baharuddin, *op.cit.*

adanya pembelajaran solat dan cara bersuci, pelajar boleh memperbaiki ibadah seharihan.¹⁸

ii. Matapelajaran Mulok Iqra'

Melalui matapelajaran Mulok Iqra' pelajar mampu menghafal surah-surah pendek dan menunaikan solat berdasarkan apa yang diajarkan. Pelajar juga dapat beramal sesuai dengan tuntutan syarak selain terus mengamal dan menerapkan ibadah dalam kehidupan seharihan walaupun selepas menamatkan pengajian di madrasah MTsN Koto Dian. Para pelajar juga mempunyai didikan agama Islam yang kukuh dalam menjalankan kehidupan bermasyarakat.¹⁹

iii. Matapelajaran Aqidah Akhlak

Pencapaian yang hendak dicapai dalam matapelajaran Aqidah Akhlak ialah meningkatkan keimanan, memiliki akhlak yang baik, lebih memahami agama, menjadi pelajar yang cemerlang, berjaya sebagai generasi baru dalam bidang pengajian Islam dan tetap mengamalkan nilai-nilai murni dalam bermasyarakat.²⁰

iv. Matapelajaran al-Quran dan Hadith

Dengan ada pengajaran matapelajaran hadis al-Quran, pelajar akan sentiasa mengingati kepentingan al-Quran dan hadith untuk pedoman kehidupan seharihan serta mengetahui dan memahami hukum Islam. Setelah menghabiskan matapelajaran

¹⁸ Temu bual Suardi Hamzah, *op.cit.*

¹⁹ Temu bual Pahlizar Rafii, *op.cit.*

²⁰ Temu bual Eli Kasmi Rusli, *op.cit.*

ini, pelajar mampu memperbaiki amal ibadah mereka kepada Allah s.w.t selain betul-betul mengamalkan apa yang diajarkan.²¹

v. Matapelajaran Bahasa Arab

Objektif matapelajaran bahasa Arab ialah pelajar perlu mengetahui nama-nama benda dan menyusunnya menjadi kalimah yang sempurna sesuai dengan kaedah nahu dan sorfnya serta dapat menghafal perkataan-perkataan yang diajarkan dengan fasih dan faham cara menyusunnya ke dalam perkataan dan mengucapkannya. Selain itu, pelajar juga diharapkan dapat bercakap dalam bahasa Arab agar lidah mereka fasih menggunakan bahasa Arab.²²

vi. Matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Perkara yang ingin dicapai selepas menghabiskan matapelajaran ini ialah meningkatkan tahap keimanan mereka setelah mendengar kisah pejuang-pejuang Islam yang memberi semangat untuk terus memperbaiki tahap pendidikan dan kehidupan yang lebih baik, mengubah akhlak untuk bersikap lebih sopan, serta dapat mengembangkan idea yang dicetuskan oleh pejuang-pejuang Islam dalam kehidupan bermasyarakat kelak.²³

Sejarah kebudayaan Islam merupakan matapelajaran yang diminati ramai kerana ia lebih banyak menceritakan tentang kerajaan Islam, penemuan Islam dan

²¹ Temu bual Nurhayana Muktar, *op.cit.*

²² Temu bual Amir Djamudin, *op.cit.*

²³ Temu bual Jayusman Abdullah, Guru Matapelajaran SKI MTsN Koto Dian pada 11 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

sejarah pendidikan Islam. Dengan ini, pelajar boleh mengambil hikmah dan wawasan yang luas serta merealisasikannya dalam kehidupan sehari-hari.²⁴

Penulis juga telah menemui bual guru besar MTsN iaitu Drs Hatimsurya Tarmizi M.PdI untuk mendapatkan pandangan beliau tentang perkara di atas dan beliau menyatakan bahawa:

“Masalah kekurangan buku rujukan di kalangan para guru dan pelajar itu memang benar dan sebelum ini memang terdapat dana dari Bantuan Operasi Sekolah (BOS) untuk pembiayaan buku tetapi dana itu sangat sedikit. Peruntukan pendidikan sekolah agama daripada kerajaan memang sedikit iaitu 20% sahaja jika dibandingkan peruntukan untuk sekolah umum atau bukan agama yang mencecah 80%. Sementara itu, peruntukan 20% tersebut diagihkan kepada semua sekolah agama dalam negeri. Pada masa ini, tiada peruntukan untuk pembelian buku. Masalah kekurangan buku terpaksa ditanggung oleh pihak sekolah dan guru dan ianya tidak dibebankan kepada pelajar. Baru-baru ini, ada dana sekolah untuk membeli buku tetapi jumlahnya sangat sedikit. Keadaan perpustakaan telah dibina dengan baik tetapi buku-buku yang ada sangat kurang, kecuali buku rujukan dan bacaan yang lama.”

Media pembelajaran yang digunakan adalah seperti gambar-gambar dan beberapa alat demonstrasi lain. Pihak sekolah tidak menyediakan media pembelajaran kerana kekurangan peruntukan. Peruntukan yang ada dimanfaatkan untuk kepentingan yang utama seperti buku rujukan dan menangani dilema kekurangan pelajar di MTsN. Pada masa ini, pihak madrasah lebih mengutamakan kuantiti dan bukan kualiti iaitu bagaimana caranya menarik minat ramai pelajar untuk bersekolah di sini kerana sekiranya kurangnya pelajar yang bersekolah di MTsN akan menyebabkan institusi ini ditutup oleh kerajaan. Pihak sekolah menerima siapa sahaja yang ingin belajar di madrasah ini tanpa sebarang prajudis. Selain itu, beberapa langkah dilakukan untuk menarik minat ramai pelajar seperti:

²⁴ Temu bual Andika Jamil, Pelajar Kelas IX B MTsN Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di MTsN Koto Dian.

Pertama, semua pelajar diterima masuk kemudian dipilih untuk mengukur kemahiran mereka. Bagi yang kurang berkemampuan, mereka akan diberi kelas khas atau kursus. Pihak sekolah berusaha memberikan pengabdian untuk mendidik dan membimbing bukan hanya pelajar tertentu tapi bagi semua pelajar yang ingin belajar di sekolah ini.

Kedua, menyediakan kenderaan bagi pelajar yang tinggal jauh dari sekolah terutama dari kampung yang lain. Kemudahan ini ditanggung kos operasinya oleh pihak sekolah sebanyak 70%, manakala pelajar menanggung 30% yang lagi melalui dana BOS. Dengan adanya dua langkah ini, telah mencapai peningkatan siswa sehingga 30% pada tahun 2010. Butiran yang lebih jelas sebagaimana berikut:

Jadual 4.3: Jumlah Kemasukan Siswa MTsN Koto Dian Tahun 2006-2010.

NO	TAHUN KEMASUKAN	JUMLAH KESELURUHAN SISWA	KEMASUKAN PERTAHUN	PERATUS
1.	2006-2007	85	32	16
2.	2007-2008	92	38	19
3.	2008-2009	100	30	15
4.	2009-2010	107	39	19
5.	2010-2011	132	63	31
6.	Jumlah	-	-	100%

Bagi pelajar yang mempunyai masalah hafalan dan kurang kemahiran untuk membaca al-Quran serta mempunyai tahap pemikiran yang lemah, perkara ini telah diatasi dengan kelas khas.

Bagi pelajar yang ketinggalan, diadakan kelas khusus dan kos pembbiayaannya ditanggung oleh dana BOS. Pada masa ini, sekolah mengutamakan pengabdian agar pelajar yang ketinggalan mempunyai tempat untuk belajar. Para guru tidak mengutamakan pelajar yang pandai sahaja malah semua pelajar mendapat

layanan dan perhatian yang sama melainkan pelajar yang ketinggalan, yang mana mereka mendapat kelas khusus dan perhatian yang lebih untuk menambah kemahiran mereka.

Pelajar-pelajar yang bermasalah seperti ponteng, merokok, tidak berdisiplin dan lain-lain akan dipertanggungjawabkan kepada guru kelas masing-masing, dan jika masih bermasalah, mereka akan dibawa kepada bahagian pengurus dan OSIS, seterusnya wakil ketua pelajar. Sekiranya masih belun selesai, ibubapa pelajar tersebut akan dijemput datang ke sekolah untuk membincangkan masalah anak mereka. Pada umumnya, masalah pelajar hanya sampai kepada wakil pengetua sahaja kerana pelajar akan merasa takut jika dijemput ibubapa mereka ke sekolah.

Menurut pengetua MTsN Koto Dian, semua guru merupakan orang-orang yang berpendidikan dan berpengalaman. Namun begitu, sebahagian guru masih mengekalkan kaedah atau cara mengajar yang lama yang menyebabkan ianya tidak sesuai dengan tahap pemikiran dan emosi pelajar. Guru yang masih muda dan masih lama perkhidmatan dituntut untuk menambah tahap pendidikan mereka yang lebih tinggi agar setaraf dengan keadaan pendidikan dan emosi pelajar.²⁵

4.3 MADRASAH IBTIDAIYAH NO:10/ E-3 (MI No:10/ E-3) DESA KOTO DIAN

4.3.1 Organisasi Pendidikan

System MI 10/E-3 masih baru dibentuk dan struktur organisasi pengurusan pun masih dalam tahap pembaharuan. Guru besar Madrasah Ibtidaiyah 10/E-3 yang

²⁵ Temu bual Hatimsurya Tarmizi, Kepala Sekolah Koto Dian pada 15 Sep 2010 bertempat di MTsN Koto Dian.

sekarang ni adalah Hj Yuswiar A Ma, pengurus adalah Hadri S.Pd.I dan setiausaha adalah Saidah Amin A. Ma.

4.3.2 Guru dan Matapelajaran

Jumlah guru adalah seramai 13 orang yang terdiri daripada 10 orang pegawai kerajaan dan 3 orang guru bantu. Seramai 5 orang guru yang mengajar matapelajaran agama Islam dengan 5 matapelajaran. Jadual pembelajaran di Madrasah Ibtidaiyah No. 10/E-3 (MI 10/E-3) adalah dari jam 7.30 hingga jam 11.30 WIB dengan pelajar tetap iaitu pelajar-pelajar yang tidak bercampur dengan pelajar yang belajar di tempat lain. Keadaan ini telah berjalan selama dua tahun. Madrasah ini memiliki 35 pelajar yang terdiri dari darjah satu dan darjah dua. Lebih jelasnya sebagai berikut:

Jadual 4.4: Guru dan Matapelajaran Agama Islam Madrasah Ibtidaiyah No10/E3 Koto Dian Tahun 2009-2010.

NO	NAMA	MATAPELAJARAN
1	Agusniar binti Abdurahman A.Ma	Hadis Al- Qur'an
2	Agusniar binti Abdurahman A.Ma	Aqidah Akhlak
3	Zuarni binti Moh Yerib A.Ma	Fiqih
4	Drs Hadri Hj Hamzah	Bahasa Arab
5	Saidah Moh Lizin A.Ma	Sejarah Kebudayaan Islam

Sumber Data: Dokumentasi MI 10/E-3 Koto Dian, Tahun Pelajaran 2009-2010.

4.3.3 Minat Terhadap Pendidikan Islam

Minat pelajar terhadap pembelajaran matapelajaran Islam di Madrasah Ibtidaiyah No. 10/E-3 ini cukup membanggakan. Pelajar seronok mempelajari matapelajaran Islam bahkan matapelajaran umum, ketika belajar pun hampir semua pelajar bersungguh-

sungguh dan tenang meskipun ada beberapa pelajar yang bising namun ia boleh dikawal.²⁶

4.3.4 Kaedah yang digunakan Semasa Pembelajaran Islam.

i. Matapelajaran al-Quran dan Hadith

Sebelum dan sesudah belajar, guru dan pelajar akan membaca doa. Pengajaran matapelajaran ini biasanya menggunakan kaedah mencatat ayat yang akan diterangkan di papan tulis sementara pelajar menyalinnya di dalam buku masing-masing. Setelah pelajar menulis, guru menjelaskan maksud potongan ayat atau hadis dengan tenang. Setelah itu, pelajar diberi peluang untuk mengajukan soalan.²⁷

ii. Matapelajaran Aqidah Akhlak

Kaedah yang digunakan dalam matapelajaran Aqidah Akhlak tidak jauh berbeza dengan kaedah pembelajaran yang lain iaitu sebelum dan sesudah belajar, guru dan pelajar membaca doa terlebih dahulu, seterusnya menulis matapelajaran pada papan tulis sementara murid mencatat apa yang telah ditulis di papan tulis tersebut. Setelah semua pelajar selesai mencatat nota, guru akan menjelaskan maksudnya dan mengajar dengan kaedah penceritaan dengan cerita yang terdapat di dalam buku rujukan dan juga cerita yang tidak terdapat di dalam buku rujukan dengan suatu yang berkaitan dengan matapelajaran yang diajarkan seperti tentang kepatuhan kepada orang tua dan akibat

²⁶ Temu bual Zuarni Moh Yerib, Guru Matapelajaran Feqah MI 10/E-3 Koto Dian pada 21 Dis 2009 bertempat di MI 10/E-3 Koto Dian.

²⁷ Temu bual Agusniar Abdurrahman, Guru Matapelajaran al-Quran dan Hadith MI 10/E-3 Koto Dian pada 22 Dis 2009 bertempat di MI 10/E-3 Koto Dian.

memherdik orang tua agar mereka lebih menyentuh perasaan dan lebih faham apa yang hendak diajarkan.²⁸

iii. Matapelajaran Feqah

Ketika mengajar matapelajaran Feqah, guru menggunakan kaedah syaranan sebagai contohnya ketika belajar tentang istiharah (bersuci) dan jenis-jenis air yang suci dan menyucikan. Pelajar akan mencatat pengertian serta contohnya. Setelah itu, guru akan menjelaskan bagaimana cara bersuci dan maksudnya. Kadang-kala guru juga menggunakan kaedah demonstrasi dengan alat bantu berwuduk dan seterusnya pelajar diuji pemahamannya dengan soalan dan mencuba mempraktikkan cara berwuduk dengan betul.²⁹

iv. Matapelajaran Bahasa Arab

Proses pembelajaran bahasa Arab adalah menggunakan kaedah menulis iaitu pelajar menulis nama-nama benda yang ada di dalam kelas setelah guru menulisnya di papan tulis. Kemudian guru dan murid membacanya bersama-sama sehingga fasih supaya memberi ingatan yang lama kepada pelajar kerana mereka akan ditugaskan untuk menghafal nama-nama benda tersebut.³⁰

v. Matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Kaedah pembelajaran sejarah kebudayaan Islam adalah dengan menggunakan kaedah penceritaan di mana guru akan menulis tajuk dan tokoh-tokoh serta isi kisah-kisah

²⁸ Temu bual Agusniar Abdurahman, *op.cit.*

²⁹ Temu bual Zuarni binti M Yerib, *op.cit.*

³⁰ Temu bual Hadri Hamzah, Guru Matapelajaran Bahasa Arab MI 10/E-3 Koto Dian pada 23 Dis 2009 bertempat di MI 10/E-3 Koto Dian.

secara ringkas di papan tulis, kemudian pelajar akan menyalin di buku mereka masing-masing. Kemudian guru akan bercerita tentang tajuk yang disalin dengan memberi penjelasan hikmah-hikmah disebalik kisah-kisah yang telah diceritakan. Sementara itu, pelajar diberi peluang kemukakan soalan dan akhir sekali pelajar diberi tugas rumah.³¹

4.3.5 Masalah yang dihadapi Semasa Pembelajaran Islam

i. Matapelajaran al-Quran dan Hadith

Dalam pembelajaran al-Quran dan Hadith, pelajar belum fasih membaca ayat al-Quran atau potongan hadith. Pelajar kurang minat untuk menghafal surah-surah di dalam al-Quran. Sebahagian pelajar masih lagi takut atau belum biasa bergaul dengan rakan sekelasnya kerana mereka masih baru belajar dan baru ingin tahu tentang dunia pendidikan dan bersosial.³²

ii. Matapelajaran Aqidah Akhlak

Masalah dalam pembelajaran matapelajaran Aqidah Akhlak adalah kekurangan alat bantu, buku rujukan dan buku bacaan tambahan bagi guru maupun bagi pelajar untuk lebih bermotivasi.³³

³¹ Temu bual Saidah Mohd Lizin, Guru Matapelajaran SKI MI 10/E-3 Koto Dian pada 22 Dis 2009 bertempat di MI 10/E-3 Koto Dian.

³² Temu bual Agusniar Abdurrahaman, *op.cit.*.

³³ Temu bual Agusniar Abdurrahaman, *op.cit.*

iii. Matapelajaran Feqah

Masalah dalam pembelajaran matapelajaran Fiqah adalah ketiadaan media dan kekurangan buku rujukan dan buku bacaan tambahan.³⁴

iv. Matapelajaran Bahasa Arab

Pelajar kurang fasih membaca ejaan perkataan Arab yang membuat pemahaman mereka sedikit terjejas bahkan ada yang belum pandai untuk membaca apatah lagi menulis. Selain itu, tidak ada media pembelajaran yang membantu. Guru hanya mengajar dengan media papan tulis dan buku rujukan sahaja.³⁵

v. Matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Dalam pembelajaran sejarah kebudayaan Islam, pelajar seronok dengan kisah-kisah yang diceritakan. Pelajar tidak malu untuk bertanya atau mengungkapkan sesuatu.³⁶

4.3.6 Pencapaian Pendidikan Islam

i. Matapelajaran al-Quran dan Hadith

Dalam pembelajaran matapelajaran hadis al-Quran, pelajar boleh mengeja dan membaca bacaan arab, boleh menulis, dan menghafal surat pendek serta memahami apa yang terkandung dalam surat tersebut.³⁷

³⁴ Temu bual Zuarni Moh Yerib, *op.cit.*

³⁵ Temu bual Hadri Hamzah, *op.cit.*

³⁶ Temu bual Saidah Moh Lizin, *op.cit.*

³⁷ Temu bual Agusniar Abdurrahaman, *op.cit.*

ii. Matapelajaran Aqidah Akhlak

Dalam pembelajaran matapelajaran Aqidah Akhlak, pelajar akan mengerti tentang rukun Iman dan rukun Islam serta sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam Islam bahawa kita mesti mempunyai sifat-sifat yang mulia seperti sabar, taat, sopan-santun, penyayang, tidak sompong atau rendah diri, mengerjakan perintah dan menjauhi larangan Allah s.w.t dan patuh kepada orang tua.³⁸

iii. Matapelajaran Fiqah

Dalam pembelajaran Fiqah, pelajar diharap dapat memahami makna dan asas hukum Islam tentang ibadah harian seperti memahami bagaimana bersuci dan ruang lingkupnya seperti jenis-jenis air yang bersih, cara bersuci seperti selalu bersugi sebelum berwuduk dan bagaimana untuk sentiasa tetap bersih kerana Islam mengajar bahawa kebersihan itu sebahagian daripada iman.³⁹

iv. Matapelajaran Bahasa Arab

Dalam pembelajaran bahasa Arab, para pelajar akan tahu nama-nama benda yang ada dalam matapelajaran tersebut seperti nama-nama yang ada di dalam kelas. Pelajar tahu nama sebahagian kata yang ada seperti perbezaan antara yang mana *isim*, *harf*, dan *fi 'il*, dan boleh menyusunnya dalam bentuk kalimat yang pendek. Mereka tahu dasar-dasar tatabahasa Arab.⁴⁰

³⁸ *ibid.*

³⁹ Temu bual Zuarni Moh Yerib, *op.cit.*

⁴⁰ Temu bual Hadri Hamzah, *op.cit.*

v. Matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam

Pembelajaran matapelajaran Sejarah Kebudayaan Islam tertumpu pada kisah-kisah tauladan supaya pelajar boleh mengambil hikmah daripada cerita tersebut dan menjadikan sifat dan perjuangan yang ada di dalamnya suatu semangat baru untuk menghadapi kehidupan pada masa hadapan. Pelajar diajar agar tidak mencontohi sifat yang buruk yang dilakukan oleh orang-orang dahulu dan menjadikan tauladan sifat sahabat yang baik seperti cerita Qarun yang tamak harta dan kisah Nabi Yusuf a.s dan saudaranya serta kisah keimanan Nabi Ibrahim a.s meskipun dibakar dalam api yang besar menyala.

Pencapaian pelajar terhadap hasil proses pembelajaran Islam di sini secara umumnya pelajar lebih berminat untuk mengkaji tentang Islam dan pendidikan Islam serta lebih bertakwa kepada Allah dan berusaha mengerjakan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang.⁴¹

4.4 SEKOLAH DASAR 80/III (SDN 80/III) DESA KOTO DIAN

4.4.1 Organisasi Pendidikan

Sekolah Dasar Negeri 80/III (SDN 80/III) Koto Dian Pulau Tengah mempunyai struktur organisasi sebagaimana jadual 4.5 :

⁴¹ Temu bual Saidah Moh Lizin, *op.cit.*

Jadual 4.5: Organisasi Pendidikan Sekolah Dasar Negeri 80/III Koto Dian Tahun 2009-2010.

NO	NAMA	GELARAN	JAWATAN
1	Ahmadi bin Hasan Basri S.PdI	S.I	Guru Besar
2	Nozirman Khasim A.Ma	D.II	Penolong Kanan
3	Tuti Sumira Yasin A.Ma	D.II	Setiausaha
4	Sri Sukaisih Saleh Jamal Murabbi A.Ma	D.II	Bahagian Kesenian
5	Jalisah binti Hj Sabli A.Ma		Bahagian Keagamaan

Sumber Data: Dokumentasi SDN 80/III Koto Dian Tahun Pelajaran 2009.

4.4.2 Guru dan Matapelajaran

Jumlah guru yang mengajar adalah 14 orang, manakala jumlah pelajar ialah 168 orang yang terdiri daripada 6 kelas. Guru yang mengajar matapelajaran pendidikan agama Islam terdiri daripada dua orang guru. Jadual belajar secara umum adalah jam 7.30 hingga 11.30 WIB.

Dari segi pencapaian, Pelajar secara umumnya lebih berminat untuk mengkaji tentang Islam dan pendidikan Islam serta lebih bertakwa kepada Allah dan berusaha mengerjakan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang.⁴²

4.4.3 Minat Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Islam.

Pelajar secara umumnya berminat dan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran dan mereka nampak seronok dalam belajar agama Islam apalagi ada sedikit cerita-cerita.⁴³

⁴² Temu bual Tuti Sumira Yasin, Setiausaha SDN 80/III Koto Dian pada 22 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

⁴³ Temu bual Jalisah binti Sabli, Guru Matapelajaran Agama Islam Darjah IV,V dan VI SDN 80/III Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian

4.4.4 Kaedah yang digunakan Semasa Pembelajaran Islam

Kaedah yang digunakan ketika proses pembelajaran agama Islam ialah berdoa sebelum dan sesudah belajar, kemudian guru akan mengulangkaji bab pelajaran lama agar mereka berusaha mengingatkannya kembali. Setelah itu, guru akan memulakan bab yang baru. Guru akan memberi catatan dengan menulisnya di papan tulis. Setelah pelajar mencatat, guru akan menjelaskan tentang matapelajaran agama Islam dan menjawab soalan jika ada pelajar yang bertanya. Di akhir matapelajaran, guru akan memberi tugasan rumah dan juga akan memberikan hukuman bagi pelajar yang tidak menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan. Pelajar tidak dibenarkan berehat dan mereka duduk di dalam kelas sehingga masuk pelajaran bermula semula.

Dalam pelajaran Iqra', pelajar lelaki berdoa sebelum dan sesudah belajar seterusnya membaca satu surah pendek dalam al-Quran dan juz-amma, setelah itu pelajar disuruh menghafalnya, selain doa harian yang dipelajari pada pertemuan yang lepas. Pencapaian yang diharapkan ialah pelajar dapat menulis dengan menggunakan bahasa Arab berdasarkan contoh yang diberikan oleh guru tulis di papan tulis.⁴⁴

4.4.5 Masalah yang dihadapi Semasa Pembelajaran Islam

Segelintir pelajar masih lalai menghafal surah pendek dan doa harian selain gangguan dari pelajar-pelajar lain yang membuat bising di dalam kelas.⁴⁵ Masalah yang dihadapi oleh guru ketika mengajar ialah pelajar yang suka membuat bising dan bergaduh di dalam kelas yang menyebabkan pelajar yang lain terganggu, termasuk pelajar yang berada di kelas lain. Selain itu, terdapat juga sebahagian pelajar yang meniru hasil

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Temu bual Rosdiartu Kumpuh, Guru Matapelajaran Agama Islam Darjah I,II dan III SDN 80/III Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

jawapan pelajar lain semasa peperiksaan. Guru juga mempunyai masalah yang mana sering salah sewaktu menulis dan tulisan pula terpotong-potong. Selain itu, suara guru terlalu perlahan sehingga pelajar yang duduk di bahagian belakang tidak dapat mendengarnya.⁴⁶

4.4.6 Pencapaian Pendidikan Islam

Pencapaian pendidikan yang utama adalah pelajar boleh membaca al-Quran. Selain menghafal dan memahami isi kandungan dalam surah-surah pendek, pelajar memahami tentang ajaran Islam serta lebih bertakwa kepada Allah dan berusaha mengerjakan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang.⁴⁷

Menurut Hengki Kurniawan bin Tamil, setelah pembelajaran agama kami mampu menghafal surah pendek, juga mengetahui dan memahami tentang hukum Islam dan melancarkan bacaan dan penulisan dalam bahasa Arab serta berusaha meningkatkan mutu ibadah dan taat kepada orang tua.⁴⁸

4.5 KESIMPULAN

Pendidikan formal adalah pendidikan yang pembelajarannya didapati langsung daripada institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan. Secara ringkas, pendidikan formal ialah proses pendidikan atau pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah. Pada masa ini, terdapat dua institusi kerajaan di Desa Koto Dian iaitu Madrasah Sanawiyah Negeri Desa Koto Dian dan Sekolah Dasar Negeri 80/III Koto Dian. Sekolah MTsN merupakan

⁴⁶ Temu bual Muhammad Dandi Sabanuddin, Pelajar darjah VI, SDN 80/III Koto Dian pada 17 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

⁴⁷ Temu bual Rosniarti Kumpuh, Guru Matapelajaran Agama Islam Darjah I,II dan III SDN 80/III Koto Dian pada 15 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

⁴⁸ Temu bual Hengki Kurniawan Tamil, Pelajar darjah VI, SDN 80/III Koto Dian pada 17 Dis 2009 bertempat di SDN 80/III Koto Dian.

sekolah agama Islam yang setaraf sekolah menengah di Malaysia, manakala sekolah SDN 80/III adalah sama tarafnya dengan sekolah rendah di Malaysia. Nama negeri yang terdapat pada nama sesebuah institusi itu ialah bertujuan untuk menunjukkan bahawa ianya berada di bawah naungan dan tanggungjawab kerajaan.

Madrasah Ibtidaiyah ialah sebuah institusi yang merupakan sekolah yang pertama didirikan di Desa Koto Dian yang pada mulanya disebut Madrasah Ibtidaiyah Muhammadiyah. Nama madrasah ini pula kemudian ditukarkan kepada Madrasah Ibtidaiyah Swasta yang merupakan hak milik masyarakat. Pada tahun 2007, nama madrasah ini diubah lagi kepada Madrasah Ibtidaiyah H 10/E-3 dan pada masa ini masih lagi menunggu pengesahan daripada kerajaan untuk penukaran nama tersebut. Pengubahan nama merupakan inisiatif dan idea masyarakat untuk menjaga kebaikan semua pihak yang terlibat seperti guru, pelajar, penduduk kampung dan untuk institusi atau sekolah itu sendiri.

Organisasi pendidikan di sekolah-sekolah pada umumnya sudah lengkap dan sempurna mengikut keperluan institusi itu sendiri walaupun belum sempurna pada sekolah MI 10/E-3 yang masih perlu perubahan organisasi ini kerana masih menunggu status sekolah dari kerajaan. Jika kerajaan mengesahkan penukaran nama MI10/E-3 kepada MIN10/E-3 secara langung sistem dan organisasi juga turut berubah, seiring perubahannya dari hak milik masyarakat kepada kerajaan.

Di institusi kerajaan dan bukan kerajaan di Indonesia secara keseluruhan tidak memiliki guru yang mencukupi atau masih kurang jika dibandingkan dengan sekolah dan bilangan pelajar. Oleh itu, terdapat guru-guru bantu bagi menampung kekurangan

guru. Hal ini sama berlaku terhadap institusi di Desa Koto Dian iaitu keperluan guru bantu bagi menampung kekurangan guru.

Guru yang mengajar di institusi di Desa Koto Dian terdiri daripada guru-guru yang profesional dan pelajar yang bersungguh-sungguh. Namun begitu, keadaan pendidikan di institusi kurang menyokong pembelajaran kerana keadaan institusi ketika ini tidak menyediakan kemudahan bagi guru dan pelajar seperti tidak terdapat perpustakaan dan komputer apatah lagi buku rujukan dan kenderaan, proses pembelajaran masih menggunakan cara dan kaedah yang lama seperti kaedah penjelasan secara lisan dan pelajar diarahkan untuk mencatat kemudian diberi tugas rumah untuk ulang kaji. Ini menyebabkan pelajar sering tertinggal informasi pendidikan dan tahap kemahiran dan kecerdasan jika dibandingkan dengan pelajar di Bandar. Masalah ini cukup merisaukan mengingat persaingan pendidikan dan persaingan pekerjaan pada masa hadapan.